

**DRAF TEMA
REKA CIPTA 3763/2
MPKK 2014**

TERHAD

JUN 2013

TEMA REKA CIPTA UNTUK SPM TAHUN 2014

1.0 PENGHANCURAN

1.1 Bidang

Penyediaan Makanan

1.2 Pengenalan

Penghancuran merupakan proses kerja yang dilakukan supaya bahan makanan **menjadi lebih kecil atau halus.**

1.3 Fokus Reka Ciptaan

Menghasilkan **alat yang dapat melakukan kerja menghancur atau memecah bahan makanan** supaya menjadi **lebih kecil atau halus.**

(rujuk aspek 1.1,1.2 dan 2.3 kriteria (i)pada Manual Pentaksiran Kerja Kursus Reka Cipta)

1.4 Takrif

Penghancuran merupakan perihal (perbuatan) menghancurkan.

Kamus Dewan: (i) penghancuran perihal (perbuatan dsb) menghancurkan.

(ii) menghancurkan: menjadi hancur atau pecah bersepihan atau remuk atau relai.

1.5 Kaedah Penghancuran

Menggiling / menumbuk / menghentam / memotong/merincih/mengisar/menekan/
Memampat / mengapit / memutar.

(kaedah yang dipilih mesti yang tersenarai sahaja)

2.0 PEMOTONGAN

2.1 Bidang Kepenggunaan

2.2 Pengenalan

Pemotongan merupakan proses kerja yang dilakukan supaya sesuatu bahan atau benda dapat dipotong.

2.3 Fokus Reka Ciptaan

Menghasilkan alat yang dapat melakukan kerja sesuatu bahan atau benda atau tanaman dapat dipotong .

(Rujuk aspek 1.1,2.1 dan 2.3 kriteria (i) Pada manual pentaksiran kerja kursus reka cipta)

2.4 Takrif

Pemotongan merupakan proses kerja atau aktiviti untuk mengerat /menghiris / menebang/menggunting / memangkas / menuai / menoreh sesuatu bahan/ benda / makanan / tanaman dapat dipotong.

Kamus Dewan:(i)Memotong : Memutus sesuatu dengan pisau(gergaji dan lain-lain)

(ii)Pemotongan:Perbuatan memotong (mengerat, menggunting dan lain-lain alat).

2.5 Kaedah Pemotongan

Mengerat /menghiris / menebang/menggunting/memangkas/menuai/menoreh.

(Kaedah yang dipilih **mesti** yang tersenarai sahaja)

3.0 PENCEGAHAN

3.1 Bidang

Keselamatan

3.2 Pengenalan

Pencegahan merupakan perbuatan atau aktiviti yang dilakukan untuk menghalang atau melindungi sesuatu perkara yang tidak diingini.

3.3 Fokus Reka Ciptaan

Menghasilkan alat yang dapat melakukan kerja untuk menghalang atau melindungi bahan atau peralatan atau perkakasan atau benda atau tanaman makanan daripada kerosakan atau kemusnahan atau kecurian atau kebakaran atau kehilangan.

3.4 Takrif

Pencegahan adalah satu cara untuk menghalang/melindungi bahan /peralatan/perkakasan/peralatan/perkakasan/benda/tanaman/makanan daripada kerosakan/kemusnahan/kecurian/kebakaran/kehilangan.

3.5 Kaedah pencegahan

Memancut /menyembur /mengesan / merenjat / menutup /melindungi / mengunci/
Memerangkap / mengunci / mengikat / memagar / menyarung / membungkus /
menghadang/ menyekat.

(kaedah yang dipilih mesti yang tersenarai sahaja)